



GARIS PANDUAN PENGENAAN PENALTI KE ATAS SURAT CARA YANG LEWAT DISETEMKAN DI BAWAH AKTA SETEM 1949

1. PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini dikeluarkan untuk menjelaskan pengenaan penalti ke atas surat cara yang lewat disetamkan.
- 1.2. Setiap surat cara yang boleh dikenakan duti hendaklah disetamkan dalam tempoh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 40, 43 dan 47 Akta Setem 1949 (AS).
- 1.3. Penalti di bawah seksyen 47A Akta Setem 1949(AS) boleh dikenakan ke atas surat cara yang disetamkan lewat daripada tempoh penyeteman seperti berikut:
 - a) 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan atau mana-mana tempoh yang dibenarkan oleh Pemungut.
 - b) 30 hari dari tarikh cek, nota janji hutang diterima di Malaysia
 - c) 30 hari dari tarikh surat cara ditandatangani (disempurnakan) bagi surat cara yang ditandatangani di dalam Malaysia
 - d) 30 hari dari tarikh surat cara diterima di Malaysia sekiranya ia ditandatangani (disempurnakan) di luar Malaysia

1.4. Seksyen 47A AS memperuntukkan:

Penalty for late stamping 47A.

(1) An instrument which is not stamped within the period specified in or under section 40, 43 or 47 may be stamped on payment of the unpaid duty and a penalty of—


(a) fifty ringgit or ten per centum of the amount of the deficient duty, whichever sum be the greater, if the instrument is stamped within 3 months after the time for stamping; or

(b) one hundred ringgit or twenty per centum of the amount of the deficient duty, whichever sum be the greater, in any other case.

2. LAYANAN PENGENAAN PENALTI

2.1. Penyeteman dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir tempoh penyeteman

Sekiranya surat cara disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir penyeteman, maka penalti RM50 atau 10% daripada amaun duti tidak dibayar, yang mana lebih tinggi akan dikenakan mengikut perenggan 47A(1)(a).



Contoh 1

Tarikh surat cara : 1/4/2025

Tempoh penyeteman : 1/4/2025 sehingga 1/5/2025

Tarikh penyeteman : 15/5/2025

Tempoh lewat : dalam tempoh 3 bulan dari tarikh akhir penyeteman

Penalti dikenakan di bawah perenggan : 47A(1)(a) AS

Kadar penalti : RM50 atau 10% daripada amaun duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi

Duti yang dikenakan ke atas surat cara: RM10.00

Pengiraan penalti :

RM10.00 X 10% = RM1.00

atau


RM50

} Yang mana lebih tinggi

Penalti yang dikenakan ke atas surat cara = RM50.00

2.2. Penyeteman melebihi tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir tempoh penyeteman

Sekiranya surat cara disetamkan melebihi tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir tempoh penyeteman, maka penalti RM100 atau 20% daripada amaun duti tidak dibayar, yang mana lebih tinggi akan dikenakan mengikut perenggan 47A(1)(b)



Contoh 2

Tarikh surat cara : 1/4/2025

Tempoh penyeteman : 1/4/2025 sehingga 1/5/2025

Tarikh penyeteman : 15/12/2025

Tempoh lewat : melebihi tempoh 3 bulan dari tarikh akhir penyeteman

Penalti dikenakan di bawah perenggan : 47A(1)(b) AS

Kadar penalti : RM100 atau 20% daripada amaun duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi

Duti yang dikenakan ke atas surat cara: RM5,000.00

Pengiraan penalti :

RM 5,000.00 X 20% = RM 1,000.00

atau

RM 100

} Yang mana lebih tinggi

Penalti yang dikenakan ke atas surat cara = RM1,000.00

2.3. Pengenaan penalti bagi surat cara yang dikecualikan duti.

Semua surat cara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah diseteman sebagaimana peruntukan seksyen 4(1) termasuklah surat cara – surat cara yang dikecualikan duti.

Penalti menurut perenggan 47A(1)(a) AS atau 47A(1)(b) AS boleh dikenakan ke atas surat cara yang dikecualikan duti tetapi lewat dikemukakan untuk penyeteman.

Contoh 3

Tarikh surat cara : 1/4/2025

Tempoh penyeteman : 1/4/2025 sehingga 1/4/2025

Tarikh penyeteman : 20/12/2025

Tempoh lewat : melebihi tempoh 3 bulan dari tarikh akhir penyeteman

Penalti dikenakan di bawah perenggan : 47A(1)(b) AS

Kadar penalti : RM100 atau 20% daripada amaun duti yang terkurang,
yang mana lebih tinggi

Duti yang dikenakan ke atas surat cara: Pengecualian

Pengiraan penalti :

RM 0.00 X 20% = RM 0.00

atau

RM 100

} Yang mana lebih tinggi

Penalti yang dikenakan ke atas surat cara = RM100.00

Contoh 4

Berdasarkan contoh 3 di atas, sekiranya suatu surat cara yang dikecualikan duti disetamkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh akhir penyeteman, maka penalti sebanyak RM 50 boleh dikenakan ke atas surat cara tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 47A(1)(a) AS.

- 2.4. Penetapan tempoh bayaran duti kena dibayar atas surat cara yang dikemukakan secara Sistem Taksir Sendiri.

Contoh 5

Pengemukaan dan bayaran duti dalam tempoh:

Tarikh surat cara : 1/3/2026

Tarikh penyata dikemukakan : 23/3/2026

Tarikh taksiran disifatkan : 23/3/2026

Tarikh akhir bayaran duti : 22/4/2026

(30 hari dari tarikh taksiran disifatkan)

Jika bayaran dibuat pada atau selepas 23/4/2026, penalti akan dikenakan di bawah seksyen 47A. Kiraan penalti akan bermula dari tarikh 23/4/2026.

Contoh 6

Lewat kemuka penyata, bayaran dalam tempoh:

Tarikh surat cara : 1/3/2026

Tarikh akhir pengemukaan penyata : 31/3/2026

Tarikh penyata dikemukakan : 15/6/2026

(tempoh kelewatan mengemukakan penyata adalah 2 bulan 15 hari)

Tarikh taksiran disifatkan : 15/6/2026

Tarikh akhir bayaran duti : 15/7/2026

(30 hari dari tarikh taksiran disifatkan)

Tarikh bayaran duti : 7/7/2026

Duti dikenakan : RM2,500

Penalti dikenakan sebanyak RM250 di bawah subseksyen 47A(1)(a) [RM50 atau 10% daripada duti tidak dibayar, yang mana lebih tinggi. Kelewatan dikira bermula 1 April 2026 hingga 15 Jun 2026].

Contoh 7

Lewat kemuka penyata, lewat bayaran:

Tarikh surat cara : 1/3/2026

Tarikh akhir pengemukaan penyata : 31/3/2026

Tarikh penyata dikemukakan : 15/6/2026

(tempoh kelewatan mengemukakan penyata adalah 2 bulan 15 hari)

Tarikh taksiran disifatkan : 15/6/2026

Tarikh akhir bayaran duti : 15/7/2026

(30 hari dari tarikh taksiran disifatkan)

Tarikh bayaran duti : 18/7/2026

(lewat bayaran 3 hari dari tarikh akhir bayaran duti)

Duti dikenakan : RM2,500

Penalti dikaji semula

Tempoh kelewatan:

i) pada masa mengemukakan penyata (1/4/2026–15/6/2026)
– 2 bulan 15 hari

ii) pada masa bayaran duti (16 Julai 2026 – 18 Julai 2026) – 3 hari

Jumlah kelewatan = kurang dari 3 bulan (2 bulan 18 hari)

Oleh itu, penalti dikenakan sebanyak RM250 di bawah subseksyen 47A(1)(a) [RM50 atau 10% daripada duti tidak dibayar, yang mana lebih tinggi.

Contoh 8

Lewat kemuka penyata, lewat bayaran:

Tarikh surat cara : 1/3/2026

Tarikh akhir pengemukaan penyata : 31/3/2026

Tarikh penyata dikemukakan : 15/6/2026

(tempoh kelewatan mengemukakan penyata adalah 2 bulan 15 hari)

Tarikh taksiran disifatkan : 15/6/2026

Tarikh akhir bayaran duti : 15/7/2026

(30 hari dari tarikh taksiran disifatkan)

Tarikh bayaran duti : 5/10/2026

(lewat bayaran 2 bulan 20 hari dari tarikh akhir bayaran duti)

Duti dikenakan : RM2,500

Penalti dikaji semula:

Tempoh kelewatan:

- i) pada masa mengemukakan penyata (1/4/2026 – 15/6/2026)
– 2 bulan 15 hari
- ii) pada masa bayaran duti (16/7/2026 – 5/10/2026)
– 2 bulan 20 hari

Jumlah kelewatan = melebihi 3 bulan (5 bulan 4 hari)

Oleh itu, penalti dikenakan sebanyak RM500 di bawah subseksyen 47A(1)(b) [RM100 atau 20% daripada duti tidak dibayar, yang mana lebih tinggi.

3. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 6 November 2025

s.k. LHDN.AG.600-1/2/63/3